



## **KENYATAAN MEDIA: “Syarahan Perdana Budaya sentuh mengenai budaya dan Islam”**

KUALA LUMPUR, 18 Feb – Pembesar Negeri Perak, Datuk Dr. Afi-fi Al-Akiti telah memberikan ceramah bertajuk “Adat Budaya dan Islam” untuk program Syarahan Perdana Budaya (SPB) anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di Pusat Pelancongan Malaysia di sini, hari ini.

SPB ialah satu program keilmuan yang berbentuk syarahan bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan negara bangsa. Ianya berkesinambungan daripada program syarahan yang pernah diadakan pada sekitar tahun 1980-an dengan nama ‘Syarahan Tun Sri Lanang’ anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ia merupakan satu medium pembelajaran dan perkongsian maklumat, ilmu pengetahuan serta kepakaran secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

Penceramah-penceramah untuk SPB sebelum ini terdiri daripada tokoh atau individu berprofil tinggi, terkemuka, berpengaruh serta mempunyai kepakaran dan kemahiran yang tinggi dalam bidang masing-masing.

SPB Siri 1 dimulakan pada tahun 2011 menampilkan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, manakala Siri 2 menampilkan ceramah oleh DYMM Paduka Seri Sultan Dr. Nazrin Muizuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah pada tahun 2012. Ia seterusnya membawakan Tan Sri Razali Ismail pada tahun 2013 untuk Siri 3, YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada tahun 2015 untuk Siri 4, dan Tan Sri Rais Yatim pada tahun 2016 untuk Siri 5.

SPB, melalui ceramah pada tahun ini, bertujuan memberi kefahaman dan pendidikan tentang kepentingan budaya tinggi, dan kesenian kepada khalayak berasaskan pemahaman agama.

Ia juga memberi ruang dan peluang kepada khalayak pakar termasuk peminat seni budaya untuk berkongsi pengalaman dan ilmu tentang aspek budaya tinggi serta penerapannya dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama masa kini.

Juga, untuk memahami konsep kesenian berteraskan agama Islam, melahirkan pemain industri seni budaya yang peka dengan sensitiviti agama serta melahirkan pentadbir seni yang mahir dan faham tentang agama dalam seni budaya.

Dr. Afifi yang juga merupakan Felo Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford, telah dimasyhurkan sebagai pembesar negeri Perak bagi gelaran Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan (Orang Besar Delapan) Negeri Perak oleh Sultan Dr. Nazrin Muizuddin Shah November lepas.

Sebelum ini, beliau telah berjaya mendapat ijazah kedoktoran falsafah dalam jurusan Falsafah Arab Pertengahan (*Medieval*) dari Universiti Oxford sebagai Cendekiawan Clarendon pada tahun 2008. – **UKK JKKN**

Disediakan oleh:

**Hasryn Izzuddin Mohd Khairy**

**Pengarah**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**

**03-2614 8200**